

VENLIFT ER CAPSULE

Venlafaxine Hydrochloride (37.5mg, 75mg & 150mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *VENLIFT ER*
2. Bagaimana *VENLIFT ER* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *VENLIFT ER*
4. Cara menggunakan *VENLIFT ER*
5. Semasa menggunakan *VENLIFT ER*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *VENLIFT ER*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *VENLIFT ER*

VENLIFT ER digunakan dalam rawatan untuk:

- Pesakit dewasa yang dimasukkan ke hospital yang disebabkan oleh kemurungan termasuklah kemurungan yang membawa kepada keresahan.
- Kebimbangan atau Gangguan Kebimbangan Am (GAD), termasuk rawatan untuk jangka masa panjang.
- Pencegahan daripada siri kemurungan berulang atau untuk mencegah berulangnya siri kemurungan baru.
- Gangguan Kebimbangan Sosial, juga dikenali sebagai fobia sosial, sebagaimana yang ditakrifkan dalam DSM-IV yang dicirikan dengan jumlah ketakutan dalam satu atau lebih daripada satu keadaan social yang menyebabkan kesusahan dan keupayaan untuk berfungsi dalam sekurang-kurangnya beberapa bahagian kehidupan seharian terjejas.
- Gangguan panik, termasuk pencegahan daripada berulangnya gangguan ini.

Bagaimana *VENLIFT ER* berfungsi

VENLIFT ER adalah antidepresan yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil *serotonin and norepinephrine reuptake inhibitors (SNRIs)*. Ubat ini digunakan untuk merawat kemurungan dan keadaan-keadaan lain seperti gangguan kegelisahan dengan meningkatkan tahap *serotonin* dan *noradrenaline* dalam otak. Orang-orang yang tertekan dan / atau cemas mempunyai tahap *serotonin* dan *noradrenaline* yang lebih rendah dalam otak.

Sebelum menggunakan *VENLIFT ER*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan *VENLIFT ER*:

- Jika anda alah kepada *Venlafaxine* atau mana-mana bahan-bahan lain *VENLIFT ER*.
- Jika anda juga mengambil atau telah mengambil bila-bila masa dalam tempoh 14 hari terakhir mana-mana ubat-ubatan yang dikenali *irreversible monoamine oxidase inhibitors (MAOIs)*, yang digunakan untuk merawat kemurungan atau penyakit *Parkinson*. Mengambil *MAOI* bersama-sama dengan ubat lain, termasuk *VENLIFT ER*, boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius atau mengancam nyawa. Anda juga perlu menunggu sekurang-kurangnya 7 hari selepas anda berhenti mengambil *VENLIFT ER* sebelum anda mengambil apa-apa *MAOI*.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan menggunakan *VENLIFT ER* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau

mungkin mengandung. Jika anda mengandung semasa menggunakan *VENLIFT ER*, berhenti menggunakannya dengan segera dan hubungi doktor anda.

Jangan menggunakan *VENLIFT ER* jika anda merupakan seorang ibu yang menyusukan bayi. Sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat-ubatan.

- Sebelum menggunakan *VENLIFT ER*

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *VENLIFT ER* untuk keadaan di bawah:

- Jika anda menggunakan ubat lain yang diambil bersama dengan *VENLIFT ER* yang boleh meningkatkan risiko untuk mendapat sindrom *serotonin*.
- Jika anda mempunyai masalah mata, seperti beberapa jenis glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata).
- Jika anda mempunyai sejarah tekanan darah tinggi.
- Jika anda mempunyai sejarah masalah jantung.
- Jika anda telah diberitahu anda mempunyai rentak jantung yang tidak normal.
- Jika anda mempunyai sejarah sawan (epilepsi).
- Jika anda mempunyai sejarah parasodium yang rendah dalam darah anda (*hyponatraemia*).
- Jika anda mempunyai kecenderungan untuk mendapat lebam atau mudah berdarah (sejarah gangguan pendarahan), atau jika anda mengambil ubat-ubatan lain yang boleh meningkatkan risiko pendarahan e.g. *warfarin* (digunakan untuk mengelakkan pembekuan darah).
- Jika anda mempunyai sejarah, atau jika seseorang dalam keluarga anda mempunyai mania atau gangguan bipolar (rasa

VENLIFT ER CAPSULE

Venlafaxine Hydrochloride (37.5mg, 75mg & 150mg)

- terlalu teruja atau *euphoric*).
- Jika anda mempunyai sejarah tingkah laku agresif.
- Jika anda mengambil *VENLIFT ER* menjelang akhir kehamilan anda mungkin terdapat peningkatan risiko pendarahan faraj yang banyak sejurus selepas kelahiran, terutamanya jika anda mempunyai sejarah gangguan pendarahan. Doktor anda harus sedar bahawa anda mengambil *VENLIFT ER* supaya mereka boleh menasihati anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, baru-baru ini ambil atau mungkin mengambil ubat yang lain. Doktor anda akan membuat keputusan sama ada anda boleh mengambil *VENLIFT ER* bersama dengan ubat lain. Jangan mula mengambil sebarang ubat-ubatan, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi, ubat semula jadi dan herba, sebelum memeriksa dengan doktor atau ahli farmasi.

- *Monoamine oxidase inhibitors (MAOI)* yang digunakan untuk merawat kemurungan atau penyakit *Parkinson* tidak harus diambil dengan *VENLIFT ER*. Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan ini dalam tempoh 14 hari lepas.
- Sindrom *serotonin*: Keadaan yang berpotensi mengancam nyawa atau *Neuroleptic Malignant Syndrome (NMS)* - seperti rawatan yang saling bertindakbalas, terutamanya apabila diambil dengan ubat-ubatan lain. Contoh ubat-ubatan ini termasuk:
 - *Triptan* (digunakan untuk *migrain*).
 - Ubat-ubatan lain untuk merawat kemurungan, misalnya *SNRIs*, *SSRIs*, *tricyclics*, atau ubat-ubatan yang mengandungi *lithium*, *ketoconazole* (ubat anti-

kulat).

- *Haloperidol* atau *risperidone* (untuk merawat masalah psikiatri).
- *Metoprolol* (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan masalah jantung).
- Ubat anti-virus seperti *Indinavir* digunakan untuk HIV.
- *Warfarin* digunakan untuk mencegah pembentukan darah beku dalam saluran darah.
- *Cimetidine*-ubat yang digunakan untuk pedih ulu hati.
- *Diazepam*-digunakan untuk melegakan kegelisahan

Cara menggunakan *VENLIFT ER*

- Berapa banyak harus digunakan
Sentiasa ambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda harus memeriksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa kurang pasti.

Untuk permulaan, dos yang biasa akan diberikan adalah 75mg sehari untuk masalah kegelisahan, gangguan kebimbangan umum dan masalah kegelisahan sosial.

Sekiranya anda dirawat untuk masalah panik, doktor anda akan bermula dari dos yang paling rendah, (37.5mg) dan akan meningkat secara beransur-ansur.

Dos maksimum yang digunakan untuk rawatan gangguan kebimbangan umum, kemurungan kronik, kegelisahan sosial dan masalah panik adalah 225mg sehari.

- Bila perlu digunakan
Ambil *VENLIFT ER* pada masa yang lebih kurang sama pada setiap hari, sama ada pada awal pagi ataupun malam.

Kapsul mesti ditelan sepenuhnya dengan cecair dan kapsul ini hendaklah tidak dibuka, dihancurkan, dikunyah atau dilarutkan.

VENLIFT ER perlu diambil selepas makan. Jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang, sila berbincang dengan doktor anda. Ini kerana dos ubat ini mungkin berbeza bagi anda.

Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa berbincang dengan doktor anda (lihat seksyen "*Jika anda berhenti mengambil VENLIFT ER*").

- Berapa lama perlu digunakan
Tanya doktor atau ahli farmasi berapa lama anda boleh mengambil anda. Jangan memulakan atau menghentikan rawatan tanpa berbincang dengan doktor anda.

Berhenti daripada mengambil *VENLIFT ER* boleh menyebabkan penyakit anda menjadi lebih teruk. Jangan berhenti mengambil ubat anda melainkan jika doktor anda menasihati anda untuk berhenti.

- Jika terlupa menggunakan
Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mengambil terlalu banyak ubat ini.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan

VENLIFT ER CAPSULE

Venlafaxine Hydrochloride (37.5mg, 75mg & 150mg)

degupan jantung yang pantas, perubahan dalam tahap kecerdasan (antara mengantuk sehinga koma), penglihatan kabur, sawan atau epilepsi, dan muntah.

Semasa menggunakan VENLIFT ER

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda pada masa yang sama pada setiap hari.
- Ambil ubat anda tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil VENLIFT ER.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil apa-apa ubatubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.
- Jangan berikan VENLIFT ER kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan mengambil minuman beralkohol sekiranya anda tengah mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, VENLIFT ER boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya.

Jumpa doktor atau pegawai farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini seperti:

- Asthenia atau penat.
- *Vasodilatasi* (terutamanya hangat memerah).
- Tekanan darah tinggi.
- Selera makan berkurang.
- Sembelit.
- Mual.
- Muntah.
- Peningkatan serum kolesterol (terutamanya dengan pengambilan dos tinggi dalam tempoh yang lama).
- Berat badan berkurangan.
- Mimpi yang tidak normal.
- *Libido* berkurangan.
- Pening.
- Mulut kering.
- Ketegangan otot meningkat.
- *Insomnia* (kesukaran untuk tidur).
- Gelisah.
- *Paresthesia* (kesemutan atau kebas pada tangan atau kaki).
- Sedasi.
- Gegaran.
- Menguap.
- Berpeluh (termasuklah peluh malam).
- Keabnormalan akomodasi.
- *Mydriasis* (pengembangan anak mata).
- Gangguan penglihatan.
- Ejakulasi atau orgasma (lelaki) yang tidak normal.
- *Anorgasmia* (kesukaran untuk mencapai orgasma).
- Mati pucuk.
- Gangguan kencing (kebanyakannya teragak-agak).
- Dalam kanak-kanak:
 - Sakit perut.

- Agitasi.
- *Dyspepsia* (ketidakhadaman).
- *Ecchymosis* (perubahan warna kulit yang disebabkan oleh pendarahan di bawah lapisan kulit, biasanya disebabkan oleh lebam).
- *Epistaxis* (hidung berdarah).
- *Myalgia* (sakit otot).
- Selera makan berkurangan.
- Berat badan menurun.
- Tekanan darah tinggi.
- Peningkatan serum kolesterol.
- Gangguan kemurungan utama.
- Kesan sampingan berkaitan dengan membunuh diri seperti pemikiran membunuh atau mencederakan diri sendiri.

Jika apa-apa kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan VENLIFT ER

- Penyimpanan

- Simpan dibawah suhu 30°C.
- Jauhkan semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah

VENLIFT ER CAPSULE

Venlafaxine Hydrochloride (37.5mg, 75mg & 150mg)

ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

VENLIFT ER 37.5 MG CAPSULES:

Saiz "4", peach / lut cahaya peach, gelatin kapsul keras, yang mengandungi pelet berwarna putih ke putih pudar.

VENLIFT ER 75 MG

CAPSULES:

Saiz "2", kuning/lut cahaya kuning, gelatin kapsul keras, yang mengandungi pelet berwarna putih ke putih pudar.

VENLIFT ER 150 MG

CAPSULES:

Saiz "0", oren/lut cahaya oren, gelatin kapsul keras, yang mengandungi pelet berwarna putih ke putih pudar.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Venlafaxine hydrochloride.*

Bahan-bahan tidak aktif:

- *Sugar Globules (Seal coated 20/30#).*
- *HPMC 2910 E 15 LV (Hypromellose).*
- *Colloidal Silicon Dioxide (Aerosil 200).*
- *Ethyl Cellulose (45 CPS).*
- *Hydroxy Propyl methyl cellulose (HPMC 6 CPS).*

- Nombor-nombor MAL:

VENLIFT ER 37.5 MG

CAPSULE:

MAL17085005AZ

VENLIFT ER 75 MG CAPSULE:

MAL17085006AZ

VENLIFT ER 150 MG

CAPSULE:

MAL17085007AZ

Pengilang

TORRENT
PHARMACEUTICALS LTD
Indrad 382721, Dist. Mehsana,
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

LABORATORIES TORRENT
(MALAYSIA) SDN. BHD. Suite E-
08-08 Plaza Mont Kiara, No. 2
Jalan Kiara Mont Kiara, 50480
Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/04/2022

Nombor Siri

NPRA(R2/1)211222/814